



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTERA SISTEM (B.2 EB.3)  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUTERA SISTEM  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer / Sistem Maklumat / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komputer atau bidang yang berkaitan dengan hal ehwal komputer.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengendalikan projek-projek dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal yang diarahkan oleh Ketua dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam projek dan perkhidmatan berkenaan;
2. Mengurus pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan (*ICT*) dengan teratur termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan;
3. Mengkaji, mereka-bentuk dan membuat sokongan pembaikan teknikal yang inovatif kepada sistem-sistem, proses-proses dan struktur yang sedia ada yang boleh membantu Kementerian / Jabatan mencapai misi, matlamat-matlamat dan objektif-objektifnya;
4. Menganalisa masalah teknikal dan keperluan projek dan perkhidmatan berkenaan dan mengendalikan tindakan-tindakan yang perlu diambil mengenainya mengikut bidang kuasa diberikan dan membuat laporan / sokongan kepada Ketua bila diperlukan;
5. Mentadbir dan memastikan keselamatan, tahap konsistensi dan integriti infrastuktur, sistem *hardware* dan *software*;
6. Membantu menyediakan piawaian, dasar dan prosedur untuk memastikan beroperasi mengikut '*best practices*';



7. Mengurus pemasangan peralatan (*ICT*) dan yang berkaitan dengan pengurusan *facilities (facilities management)* seperti Air, *Aircon*, *Sprinkler System*, *Uninterrupted Power Supply*;
8. Mengurus pemasangan peralatan rangkaian dan yang berkaitan termasuk mengendali *high bandwidth*, *wireless*, *switching* dan *routing of network processors*;
9. Mengendalikan operasi dan pemeliharaan peralatan (*ICT*) dan yang berkaitan untuk memastikan kesinambungan operasi termasuk pelan *capacity* dan *availability*;
10. Mentadbir dan memastikan keselamatan operasi dan infrastruktur rangkaian termasuk pengurusan insiden (*incident management*);
11. Mereka-bentuk (*architecting and designing*) dan memastikan pelaksanaan platform digital yang terkini;
12. Mengurus dan merancang tugas-tugas pegawai dan kakitangan teknikal (*ICT*) di bawah tanggungjawabnya; dan
13. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.